

# Dua anak Dr Mahathir nafi disiasat SPRM

BERITA HARIAN 28 APR 2024

W/S: 15

**Kuala Lumpur:** Dua anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menepis dakwaan mereka berada di bawah siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).

Dalam kenyataan bersama, Tan Sri Mokhzani dan Mirzan Mahathir berkata, perintah notis yang diberikan kepada mereka adalah sebagai anak kepada seseorang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Katanya, keseluruhan siasatan itu menjurus bagi menentukan sama ada bapanya menyalahgunakan kuasanya sebagai Perdana Menteri untuk memperkayakan mereka.

“Kami ingin memaklumkan di sini bahawa kami berdua bukan di bawah siasatan SPRM tidak seperti dilaporkan sesetengah media.

“Perintah notis yang diberikan kepada kami adalah sebagai ‘anak’ kepada seseorang yang

disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

“Kami menyangkal serta menolak tuduhan ini dan ingin membuktikan apa sahaja yang kami peroleh selama ini adalah melalui cara yang sah, menggunakan saluran betul tanpa membatik sebarang aktiviti jenayah.

“Memandangkan kami dikehendaki mengisytiharkan aset diperoleh selama 43 tahun dan disebabkan kekurangan rekod mak-

lumat tempoh berkenaan, adalah membantu sekiranya SPRM dapat menentukan (melanjutkan) tempoh masa yang bagi siasatan mereka.

“Terdapat juga sindiran yang menyatakan kami memerlukan lebih banyak masa kerana kekayaan kami yang terlalu banyak. Ini tidak benar sama sekali,” menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengakui pihaknya kini

sedang menjalankan siasatan terhadap Dr Mahathir bersama dua anaknya.

Bagaimanapun Azam tidak dapat memberikan maklumat secara jelas berkenaan isu yang sedang disiasat.

Mengulas lanjut mengenai lanjutan masa diperlukan, mereka memaklumkan kebanyakan dokumen diperlukan itu sudah tidak lagi boleh didapati, terutama dari institusi kewangan dan sektor awam.

“Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) contohnya hanya memerlukan pembayar cukai untuk menyimpan rekod mencukupi untuk tempoh tujuh tahun dan begitu juga dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

“Bagaimanapun, kami sedang berusaha sedaya upaya untuk mengumpulkan dokumen ini, tetapi ada yang hampir mustahil untuk diperoleh memandangkan ia tidak lagi wujud,” katanya.



Mokhzani Mahathir



Mirzan Mahathir